



Setahun Pentadbiran  
**AZMIN ALI**



# SELANGOR

**PERCUMA** 25 September - 2 Oktober 2015, 11 - 18 Zulhijjah1436 [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



## SMART Selangor

# Ke arah negeri serantau

**SOKONGAN** kuat pimpinan Exco dan penjawat awam menjadi dorongan kepada saya melaksanakan tugas sebagai Dato' Menteri Besar, bahkan pelbagai pahit dan manis dalam mentadbir negeri termasuk pengurusan ekonomi secara berhemah dilalui sepanjang setahun memegang jawatan ini.

Pelbagai rangka pelan pembangunan sosial dan ekonomi dilaksanakan untuk rakyat.

Jumlah rizab negeri juga kukuh, manakala belanjawan defisit bertukar menjadi berimbang tahun ini.

Ini adalah pencapaian bekerja sebagai satu pasukan. Ia juga mendidik saya dan pasukan untuk sentiasa mengambil langkah baru yang proaktif selaras hab pelaburan global.

- **Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali**



## Nikmati capaian percuma Wifi Selangorku

**KEMUDAHAN** Wifi secara lebih meluas dengan 2,500 hotspot di beberapa lokasi seluruh Selangor akan dilaksanakan Kerajaan Negeri menjelang akhir tahun ini.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata 800 lokasi hotspot Wifi Selangorku disediakan setakat 22 September lalu, manakala 120 lokasi tambahan akan siap dipasang hujung bulan ini.

"Jumlah itu menjadikan 920 lokasi menjelang penghujung Oktober ini. Baki tambahan 1,580 hotspot dijangka akan siap dipasang akhir tahun ini yang menjadikan jumlah keseluruhan 2,500 hotspot," katanya.

Nik Nazmi berkata, pemilihan lokasi hotspot dilakukan berdasarkan kepada sasaran pengguna iaitu pelajar, golongan berpendapatan rendah, kawasan luar bandar dan pelancongan.

"Pengguna boleh mengenal pasti zon Wifi percuma ini berdasarkan papan tanda 'Wifi Selangorku'. Selain itu, apabila alat peranti yang mempunyai kebolehan Wifi dapat mengesan isyarat perkhidmatan 'Wifi Selangorku', katanya.

Beliau berkata, pengguna di lokasi Wifi hotspot akan merasai teknologi berbeza ber�antung kepada teknologi sedia ada di zon terbabit.

"Bagi zon Wifi menggunakan teknologi fiber optik, pengguna akan menikmati capaian kelajuan minima 1Mbps. Kita jangka akan menggunakan teknologi itu hujung tahun ini.

"Pengguna berpeluang menikmati capaian maksima 1Mbps di zon Wifi menggunakan teknologi Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL) dan teknologi 3G/LTE. Ia bergantung kepada kesediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi di lokasi itu," katanya.

Beliau berkata, RM16 juta diperuntukkan setahun untuk kemudahan itu dan berharap ia mencapai sasaran.

Program Wifi Selangorku itu ditanggung sepenuhnya Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dengan usahasama bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Jika berminat untuk memohon perkhidmatan Wifi Selangorku di lokasi tertentu, orang ramai boleh menghubungi MBI atau bahagian Teknologi Maklumat untuk proses penilaian, selewat-lewatnya 15 Oktober ini.

Sebarang aduan atau pertanyaan boleh dikemukakan melalui nombor talian bantuan di 1-800-22-WIFI (9434) atau e-mel kepada [help@tm.com.my](mailto:help@tm.com.my)

APA KATA  
MEREKA



Syukur  
Alhamdullilah  
penstrukturran dah  
dimeterai, selesai  
satu bab tetapi  
jangan lupa  
kelewatan sudah  
wujud dan  
Kerajaan Negeri  
perlu memikirkan  
langkah seterusnya  
bagi memastikan  
bekalan air  
bertambah baik.

Timbalan  
Presiden Fomca ,  
Mohd Yusof Abdul  
Rahman



Kejayaan  
penyelesaian  
kemelut  
penstrukturran  
industri air  
dipandang positif  
rakyat dan  
pembangkang  
Selangor.

Adun Semenyih,  
Datuk Johan  
Abdul Aziz

# Rakyat terus dapat air percuma

NORHAYATI UMOR

Rakyat di negeri ini akan terus menikmati pemberian air percuma 20 meter padu walaupun selepas penstrukturran industri selesai. Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata tiada sebarang keputusan atau rancangan untuk memansuhkan program pemberian air percuma yang dinikmati rakyat, sejak 2008.

Katanya, Kerajaan Negeri tidak sesuka hati memindahkannya kepada rakyat walaupun kos perkhidmatan meningkat tetapi langkah penambahbaikan terus dilakukan kerana sudah berbelanja besar sehingga RM250 juta setahun untuk program itu.

"Kalau ada kelemahan, maka ia perlu diperbaiki tetapi memang tiada keputusan mansuh," katanya.

Mohamed Azmin berkata, sebarang cadangan baru untuk menambahbaik

program sedia ada perlu dibahaskan pada sidang Dewan Negeri Selangor ketika pembentangan Belanjawan 2016, pada 30 Oktober ini.

Malah, rakyat juga tidak akan terbeban dengan kenaikan tarif air seperti yang dicadangkan kerajaan terdahulu yang mahu dilaksanakan setiap tiga tahun.

Kerajaan Negeri juga bersedia mengkaji mekanisme sesuai untuk memberikan saham air kepada rakyat seperti dicadangkan mantan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Jika program itu baik dan memberikan manfaat, kita boleh pertimbangkan," katanya.

Mohamed Azmin turut komited membela nasib dan kebijakan kait-tangan syarikat konsesi selain diserap bekerja walaupun pengambilalihan.



## Bas Selangorku selesa, sedia pelbagai kemudahan

"PAGI ini Kerajaan Persekutuan naik harga minyak. Kerajaan Negeri pula lancarkan perkhidmatan Bas Selangorku percuma untuk rakyat," demikian tweet, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali melalui Twitternya, pada 1 Julai lalu.

Pelancaran bas percuma itu sekali gus menyaksikan satu lagi program peduli rakyat di bawah pentadbiran Mohamed Azmin dilaksanakan dalam tempoh tidak sampai setahun beliau memegang jawatan nombor satu negeri.

Ia adalah detik penting dalam usaha Kerajaan Negeri merealisasikan hasrat untuk menyediakan perkhidmatan bas secara percuma kepada rakyat bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan mereka, sekali gus bukti komitmen padu dalam menangani isu pengangkutan awam yang sudah banyak dibangkitkan.

Sebagai permulaan, Bas Selangorku berada di tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran

Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan masing-masing menyediakan empat bas, sementara MPK tiga.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri berharap inisiatif penyediaan perkhidmatan itu dapat memperkasakan sektor pengangkutan awam negeri itu.

Kini, lebih 53,000 penumpang sudah menggunakan perkhidmatan Bas Selangorku di tiga kawasan terbabit sejak ia dilancarkan dengan fasa pertama membabitkan kos RM3.48 juta.

Kebanyakan pengguna yang ditemui menyokong usaha murni itu dilaksanakan kerana nyata memberi manfaat khususnya kepada golongan kurang berkemampuan.

Pelajar, M Vikneswary, 23, berkata perkhidmatan Bas Selangorku banyak membantu kelancaran perjalanan ke kampus dari tempat tinggal.

"Bukan sahaja jimat duit, kami juga dapat menjimatkan masa terutama kehidupan sebagai pelajar yang sibuk dengan jadual kelas," katanya.

Pandangan sama dilontarkan Muhammad Ashri Azman, 18, yang memuji kemudahan yang disediakan Bas Selangorku itu.

"Ini bas untuk semua tidak mengira sesiapa. Orang Kelainan Upaya (OKU) juga ada kemudahannya selain wifi dan ia sangat selesa," katanya.

Pelaksanaan perkhidmatan Bas Selangorku beroperasi mengikut laluan yang ditetapkan setiap PBT dengan kekerapan perkhidmatan setiap 15 minit.

Perkhidmatan itu disediakan kepada semua lapisan rakyat setiap hari secara berjadual bermula jam 6.00 pagi dan berakhir pada jam 10.00 malam.



# RM30 juta bantu rakyat miliki kediaman

LIZAWATI MADFA

**D**asar perumahan yang diperkenalkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali nantia banyak membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.

Sejumlah RM30 juta diumumkan beliau dalam sesi Belanjawan Selangor 2015 pada November 2014 bagi tujuan itu yang diberikan melalui Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana Sel) dengan peruntukan permulaan RM10 juta.

Sementara itu, RM20 juta diperuntukkan sebagai dana pusingan bagi membiayai Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).

"Untuk Belanjawan 2016 yang akan dibentang pada Oktober ini juga akan menumpukan sektor pembangunan khususnya pembinaan rumah mampu milik, Rumah Selangorku.

"Ini kerana permintaan begitu tinggi ekoran masih ramai penduduk yang belum mempunyai rumah sendiri," katanya.

Skim Dana Sel disalurkan melalui Lem-

bagi Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menyelesaikan masalah peneroka bandar dengan menggunakan konsep sewa dan milik.

Golongan peneroka bandar akan diberi rumah kos rendah untuk disewa dan memiliki selepas tempoh penyewaan matang mengikut terma dan syarat perjanjian sewa serta milik.

Sementara itu, TEPAT pula sehingga kini berjaya memulihkan 55 projek terbengkalai dan dianggap pencapaian baik memandangkan kebanyakan projek terbengkalai mengalami defisit.

Pada 28 Ogos lalu, Kerajaan Negeri turut menandatangani Perjanjian Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah Selangorku dengan Maybank khusus membantu golongan tanpa pendapatan tetap, tiada bukti pendapatan dan umur lanjut untuk memohon pinjaman bank.

Skim itu membabitkan 674 pemohon bagi fasa pertama dan membiayai 97.5 peratus daripada nilai hartaan dengan tempoh pembiayaan antara

30 hingga 60 tahun.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri optimis sasaran pembinaan 20,000 unit Rumah Selangorku dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.

Sehingga kini, 11 projek Rumah Selangorku sudah dilancarkan membabitkan 12,409 unit.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata syarat pendapatan isi rumah juga sedia dipertimbang sehingga RM10,000 sebulan berbanding kadar semasa RM8,000, bahkan Kerajaan Negeri juga akan mengkaji skim perumahan khas untuk pesara tentera.

## Mampu capai sasaran 20,000 hujung tahun

**SASARAN** 20,000 unit Rumah Selangorku dijangka mampu dicapai menjelang hujung tahun ini, kata Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Norzaton Aini Mohd Kassim.

Beliau berkata, sehingga Mei lalu terdapat 13 projek membabitkan 15,721 unit diluluskan sama ada melalui anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC) atau pemaju swasta.

"Terdapat lapan lagi permohonan dan kadarnya mungkin bertambah. Kerjasama baik ditunjukkan pemaju dan sambutan pemohon memungkinkan sasaran 20,000 unit dicapai," katanya dalam satu temubual ekslusif sebelum ini.

Pada masa sama, Norzaton turut mempergerusikan dua jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Teknikal Rumah Selangorku dan Jawatankuasa Pemantauan Rumah Selangorku bagi memastikan pemaju swasta dilantik menepati spesifikasi selain tidak melengahkan kerja pembinaan.

Sementara satu lagi jawatankuasa khas, Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku dipengerusikan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad.

LPHS juga bertindak mengawal sepenuhnya proses saringan awal bakal pembeli Rumah Selangorku melalui Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pembeli Rumah Mampu Milik.

Hanya senarai nama bakal pembeli yang melepassi

syarat ditetapkan sahaja akan diserahkan kepada pemaju untuk tindakan selanjutnya.

Antara syarat permohonan termasuk pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM8,000, tidak memiliki sebarang jenis kediaman lain di Selangor dan tujuan pembelian adalah untuk mendiami bukan disewakan.

**Pada 28 Ogos lalu,  
Kerajaan Negeri turut  
menandatangani  
Perjanjian Skim Khas  
Pembiayaan Pembelian  
Rumah Selangorku  
dengan Maybank  
khusus membantu  
golongan tanpa  
pendapatan tetap,  
tiada bukti pendapatan  
dan umur lanjut untuk  
memohon pinjaman  
bank**



## SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com, Afiz Redzuan : afizredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com, Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazlibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



**Tujuan penubuhan  
DEIG semestinya bagi  
memaksimumkan  
pelaburan strategik  
dalam kalangan anak  
syarikat MBI selain  
memperkasa dana  
kekayaan negeri**

**SOFFAN AFFENDI  
AMINUDIN**  
**Ketua Pegawai Operasi MBI**

**HAFIZAN TAIB**

**K**ewujudan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) akan membantu mengukuhkan Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) melalui aktiviti pelaburan bagi menambah hasil negeri.

Peranan dimainkan adalah penting ekoran Kerajaan Negeri memerlukan pendekatan baharu bagi menjana keuntungan kerana kebanyakannya anak syarikat didapati gagal menyumbang seperti yang diharapkan.

Dengan fokus utama DEIG sebagai entiti penambah nilai dan pelaburan, maka pengagihan tanggungjawab antara kumpulan itu dan

MBI diatasi selain membolehkan kedua-dua entiti mampu lebih fokus bagi menjayakan misi yang digalas.

"Tujuan penubuhan DEIG semestinya bagi memaksimumkan pelaburan strategik dalam kalangan anak syarikat MBI selain memperkasa dana kekayaan negeri.

"Seterusnya, hasil yang diperoleh akan digunakan semula bagi menjana pembangunan negeri dalam konteks Selangor melalui peranan yang akan dimainkan MBI sendiri," kata Ketua Pegawai Operasi MBI, Soffan Affendi Aminudin.

Pengurusan DEIG juga dijalankan lebih te-

lus dan hasil keuntungan dikembalikan kepada rakyat dalam pelbagai program diperkenalkan Kerajaan Negeri.

Dengan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menitikberatkan kebaikan rakyat tentunya MBI akan lebih terurus dengan pelaksanaan lebih jaya.

Program pembangunan rakyat menjadi lebih baik di bawah MBI dengan struktur organisasi terancang, bahkan tahap 'the highest standard of government' yang dizahirkan Dato' Menteri Besar untuk DEIG adalah baik dan menjadi contoh kepada anak syarikat lain yang tidak atau gagal berperanan.

"Kerajaan Negeri mempunyai banyak anak syarikat dan perlu distruktur semula untuk hasil pulangan lebih baik. Seharusnya, anak syarikat membantu negeri tetapi berlaku sebaliknya," kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah.

Kontroversi cuba ditimbulkan membabitkan DEIG jelas sekadar usaha menjelaskan kredibiliti Kerajaan Negeri dan Mohamed Azmin, namun nyata sia-sia apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia cawangan Selangor mengesahkan tiada kesalahan yang ditemui sepanjang siasatan yang dijalankan.

## CSR tingkat kualiti hidup rakyat

**PEMERBADAN** Menteri Besar Selangor (MBI) menyantuni golongan sasaran melalui pelbagai program dan misi kemanusiaan ke arah memperkasakan kehidupan rakyat.

Ia selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri di bawah Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang mementingkan kebaikan rakyat serta meningkatkan kualiti hidup dalam era pembangunan mencabar masa kini.

Pada Januari lalu, MBI mewujudkan unit Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) diketuai Mohd Jaafarudin Md Ali demi pelaksanaan program dan misi kebaikan yang lebih tersusun serta lancar.

Usaha terbabit berhasil dengan gerak kerja diajur tur memberi kesan positif apabila banyak pihak menyokong dan menyambut baik, di samping mengalaukan bantuan dihulur.

Mohd Jaafarudin berkata, pihaknya akan meneruskan misi kemanusiaan bagi menyantuni rakyat yang memerlukan di seluruh Selangor supaya hasil kekayaan negeri dapat dinikmati bersama hasil maklum balas positif pelbagai pihak.

"Sejak awal tahun, kita sudah bergerak ke seluruh Selangor bagi menghulurkan bantuan kepada kumpulan sasaran dan jumlahnya meningkat pada Ramadan ekoran persiapan orang ramai menyambut Aidilfitri.

"Tidak setakat Selangor, kita juga menyantuni rakyat



di luar seperti di Manik Urai, Kelantan apabila musibah banjir berlaku selain ke luar negara membantu rakyat Nepal yang ditimpa bencana alam serta gerakan dakwah ke Poland," katanya.

Sesungguhnya, usaha berterusan Kerajaan Negeri membantu rakyat wajar dicontohi pihak lain demi kebaikan mereka yang memerlukan pembelaan.

MBI berpendirian usaha murni itu wajar dikongsi bersama tidak sekadar di Selangor, bahkan ke luar negeri itu selain mengeratkan silaturrahim sesama manusia.

**APA KATA  
MEREKA**



Apa yang perlu ditekankan adalah keutamaan dalam menjaga kebaikan rakyat dan usaha Kerajaan Negeri harus disokong. Peningkatan rizab negeri membuktikan pentadbiran kini ditadbir urus dengan baik dan diharapkan keadaan ini mampu diteruskan

Shamsul Budiman  
Mat Nordin, 46, Peniaga



Kepentingan menjaga sesuatu pihak perlu dielak demi mengekalkan integriti Kerajaan Negeri selama ini. Perubahan berlaku kini jelas membawa kebaikan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat keseluruhannya

Mohd Faudzi Othman,  
52, Pegawai swasta



Haremeyn.. Ku Rindu Pada Mu

100% BUMIPUTERA



Duta Umrah Marli Travel

## PAKEJ UMRAH

1437H

UMRAH KELUARGA CERIA BERSAMA 'AFAD RAIHAN'

**28 NOV- 08 DIS 2015**

Hubungi Pegawai Umrah Marli:

+6013 600 3109 (Aisyah) , +6016 888 5875 (Shahul)

DEPOSIT: RM500  
SEORANG \*Bayaran penuh 45 hari sebelum penerangan  
MARLI TRAVEL & TOURS SDN BHD  
CIMB ISLAMIC:  
8602080822  
(Cawangan Bandar Baru Bangi)

PAKEJ UMRAH	TARIKH PENERBANGAN	BIL.HARI	BILIK BEREMPAT	BILIK BERTIGA	BILIK BERDUA
UMRAH CUTI SEKOLAH	28 Nov-08 Dis 2015*	11H 9M	RM 6,890	RM 7,190	RM 7,690
UMRAH MAULIDUR RASUL	23 Dis – 03 Jan 2016	11H 9M	RM 6,690	RM 6,990	RM 7,490
UMRAH MUSIM SEJUK	13 Jan – 24 Jan 2016	11H 9M	RM 6,390	RM 6,690	RM 7,190
UMRAH CUTI SEKOLAH	09 Mac – 20 Mac 2016	11H 9M	RM 6,590	RM 6,890	RM 7,390

### PAKEJ TERMASUK:

- Tiket Penerangan (Kelas Ekonomi) termasuk cukai lapangan terbang
- Pengangkutan sepanjang di Mekah & Madinah
- Penginapan di Mekah & Madinah
- Hotel Makkah:** Baiti 5 / Saraya Ajyad/Setaraf (250m-300m)
- Hotel Madinah:** Fayrouz Season/Saha/Setaraf (80m-100m)
- Visa Umrah (tertakluk kepada kelulusan Kedutaan Arab Saudi)
- Ziarah di Mekah & Madinah
- 3 kali Umrah bersama mutawif
- Insuran perjalanan
- Kursus Umrah berjadual
- Cenderamata (Beg Bagasi, Beg Kabin, Beg Pasport, Kain Ihram/Telekung, Buku Panduan, Air Zam-Zam 5 liter)

## PELANCONGAN MUSLIM

Dream. Explore. Discover



HONGKONG  
RM2675



HUA HIN+BANGKOK  
RM1350



TRANSTUDIO  
FROM RM623



DUBAI  
RM3550



KEMBARA TURKI  
FROM RM2480



KYOTO  
FROM RM4498

Bandung Shopping from RM623  
Jakarta Shopping from RM455  
Ho Chi Min RM1898  
Jogjakarta from RM694  
Lombok from RM885  
Surabaya from RM645  
Bali from RM660

UK Stadium Tour  
Japan Tour  
Korea Tour  
Europe Tour  
Africa Tour  
Jordan+Baitulmaqdis+Mesir

Pakej Dalam Negara:  
Pakej Pulau Menaraik  
Pakej Taman Negara  
Pakej Borneo  
Pakej Golf  
Pakej Taman Tema

Hubungi Pegawai Pelancongan Marli:

+6019 655 3446 (Suhaimi) , +6019 701 6455 (Firdaus)

302G, Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

Phone : +603-8920 8873/1177 Fax : +603-8920 1455

E-mail : admin@marlitravel.com.my

f : Marli Travel & Tours Sdn Bhd



# HIJRAH: Komitmen gandakan golongan menengah

NAEEM RAFFI

**S**EJAAR dengan konsep Peduli Rakyat, Kerajaan Selangor tampil dengan program HIJRAH yang secara khusus membesarakan lagi golongan kelas menengah dalam kalangan peniaga kecil negeri itu.

Melalui suntikan peruntukan RM100 juta daripada Kerajaan Negeri pimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali membuka peluang peniaga membuat pinjaman sehingga RM50,000.

"HIJRAH diperkasakan melalui Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR). Kerajaan Negeri menaikkan siling peruntukan bagi dua dana ini kepada RM100 juta berbanding hanya RM70 juta sebelum ini," katanya.

Tanpa prosuder yang rumit, proses bayaran pinjaman juga mesra, bahkan tidak membebankan peminjam tidak seperti organisasi kewangan lain.

Pendekatan Kerajaan Negeri sama sekali berbeza dengan Kerajaan Persekutuan

yang menyantuni rakyat melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Ternyata, BR1M gagal mendidik rakyat berdikari jauh sekali membantu memula atau memperkembangkan perniagaan dan HIJRAH bukan sekadar memberi beras ikan, bahkan umpan serta joran untuk kelangsungan kehidupan yang lebih terjamin se-lain mendidik masyarakat berdikari.

ia muncul sebagai institusi tunggal setakat ini yang menawarkan pinjaman, tabungan dan pelaburan dalam satu urus niaga selain menawarkan beberapa perkhidmatan lain.

"HIJRAH mengupayakan golongan peniaga kecil yang tidak mempunyai modal menceburkan diri dalam keusahawanan bagi mendepani suasana ekonomi getir. Objektif penubuhannya juga memberi fokus membangunkan usahawan kecil bagi membasmi barah kemiskinan di Selangor," kata Mohamed Azmin.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor mensasarkan 56,000 peserta dari 56 DUN bakal

menerima manfaat itu menjelang 2017.

Bagaimanapun, statistik penyertaan yang diterima Selangor Kini daripada pengurusan HIJRAH mendapat program itu mendapat sambutan hebat.

Apa yang diharapkan, ribuan peminjam HIJRAH berjaya berganjak ke kelas menengah dalam tempoh beberapa tahun lagi hasil kejayaan perniagaan mereka daripada modal yang disuntik Kerajaan Negeri.

**Ternyata, BR1M gagal mendidik rakyat berdikari jauh sekali membantu memula atau memperkembangkan perniagaan dan HIJRAH bukan sekadar memberi beras ikan, bahkan umpan serta joran untuk kelangsungan kehidupan yang lebih terjamin selain mendidik masyarakat berdikari**



## STATISTIK PESERTA HIJRAH sehingga September 2015

BANGSA	BILANGAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
MELAYU	10,284	54,455,000.00
CINA	78	444,000.00
INDIA	391	1,849,000.00
BUMIPUTERA SABAH	34	131,000.00
BUMIPUTERA SARAWAK	7	30,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>10,794</b>	<b>56,909,000.00</b>

## Invest Selangor kukuh sektor pelaburan

**INVEST** Selangor Berhad yang dulunya Selangor State Investment Centre (SSIC) dijenamakan semula bertujuan memperkuatkan sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan negeri.

Invest Selangor adalah sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang beroperasi sejak 1999 berperanan mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan terbaik di Malaysia dan rantau Asia.

Melaluinya, prestasi pelaburan Selangor bermula 2000 hingga 2014 terus cemerlang dengan mencatatkan nilai pelaburan tertinggi RM117.75 bilion daripada 4,173 projek perkiran-

gan iaitu 19 peratus daripada semua pelaburan yang diluluskan seluruh negara.

Sepanjang tempoh 15 tahun, RM60.45 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan RM57.30 bilion membabitkan pelaburan asing, manakala 328,168 potensi peluang pekerjaan diwujudkan.

Tahun ini, RM16.6 juta diperuntukkan untuk aktiviti dan promosi pelaburan melalui ekspo perdagangan bertaraf antarabangsa dan usaha e-perdagangan.

Ketika ini, Kerajaan Negeri sedang berusaha menarik lebih banyak syarikat pelaburan asing

dan tempatan bagi meneroka peluang perniagaan di negeri itu.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS & Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata ia bagi memenuhi hasrat menjadikan Selangor sebagai hab perdagangan global.

"Lima sektor utama pelaburan di Selangor antaranya peralatan pengangkutan, barang elektronik, industri makanan dan minuman, jentera dan kejuruteraan, dan perlesenan," katanya.

Selangor juga mengadakan lawatan kerja ke Osaka, Jepun menerusi Misi Penggalakan

Pelaburan dari sudut sektor industri farmaseutikal, sains hayat dan teknologi hijau selain mempromosikan kawasan perindustrian di negeri itu.

Kajian khusus bagi mengenal pasti keperluan dan permintaan warga industri di Selangor dengan lebih mendalam juga dijalankan.

Baru-baru ini, Selangor sekali lagi menjadi pen-eraju dengan melancarkan aplikasi mudah alih yang ditukar daripada penggunaan laman sesawang Kerajaan Negeri ke aplikasi 'SelangorApps' supaya pelabur dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat.

# *Tahniah*



Yang Amat Berhormat  
Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali  
Dato' Menteri Besar Selangor

Atas Ulangtahun Pertama  
pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan

daripada



Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis  
dan Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Shah Alam

# MB rungkai ketegangan agama

AFEEQA AFEERA

Kurang dua bulan mengangkat sumpah sebagai Dato' Menteri Besar Selangor ke-15, Mohamed Azmin Ali sudah mencipta sejarah baru di negeri itu membabitkan sensitiviti agama iaitu pemulangan kitab Bible versi bahasa Melayu yang dirampas, pada Januari 2014.

Walaupun sukar, Mohamed Azmin berkata keputusan itu tidak akan tercapai tanpa persefahaman antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Persatuan Bible Malaysia (PBM) dan masyarakat Kristian.

"Kita semua perlu menghargai proses pemulangan Bible melalui siri perbincangan pelbagai pihak. Selepas mendapat perkenan Tuanku Sultan Selangor, kita putuskan untuk memulangkan semula Bible ini dan ia bukan tugas mudah, namun perlu berani membuat keputusan sukar," katanya.

Katanya, tindakan memulangkan Bible adalah kerana kebijaksanaan Sultan Sharafuddin Idris Shah melalui perbincangan bersama agensi agama di negeri itu.

"Perkara itu sudah selesai. Tiada isu lagi, jangan cuba timbulkan sebarang provokasi, bahkan pentadbiran ini akan mengusahakan pelbagai cara untuk menambahbaik dan memupuk persefahaman kaum dan agama di Selangor," katanya.

Pemulangan kitab Bible itu mendapat perhatian ramai yang memuji keputusan bijak Mohamed Azmin dalam menangani isu berkenaan.



Pada Januari 2014, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merampas 351 kitab Bible berbahasa Melayu dan Iban dari pejabat PBM di Damansara.

Tindakan itu dibuat mengikut Enakmen Agama Bukan Islam 1988 (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) dengan menghalang orang bukan Islam di Selangor menggunakan perkataan kalimah Allah.

Bagaimanapun, semua Bible itu dipulangkan semula kepada Persatuan Gereja-gereja Sarawak (ACS) ketika kunjungan hormat Pengurus ACS, Most Revd Archbishop, Datuk Bolly Lapok yang berlangsung di Istana Alam Shah, Klang dan disaksikan DYMM Sultan Selangor serta Mohamed Azmin.

**Perkara itu sudah selesai. Tiada isu lagi, jangan cuba timbulkan sebarang provokasi, bahkan pentadbiran ini akan mengusahakan pelbagai cara untuk menambahbaik dan memupuk persefahaman kaum dan agama di Selangor**

**MOHAMED AZMIN  
Dato' Menteri Besar**



Tindakan bernes tanda aras toleransi

**KEBIJAKSANAAN** Mohamed Azmin Ali merungkai pertikaian membabitkan sensitiviti agama dipuji ramai pihak, bahkan usaha itu bukan sahaja dihargai pemimpin pembangkang pelbagai kaum tetapi turut disambut baik pimpinan kerajaan seperti MIC dan Gerakan.

Bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Dr Muhammad Nur Manut berkata, tindakan bernes Mohamed Azmin dan Istana Selangor menjadi penanda aras ke arah toleransi agama tanpa merendah-rendahkan Islam sebagai agama rasmi.

Beliau juga mendapati pentadbiran Mohamed Azmin menyediakan landasan sebagai teladan kepada penganut semua agama supaya konflik itu tidak berpanjangan.

"Gaya kepimpinan itu mampu menjadi contoh kepada pemimpin lain bagi memupuk dasar hormat-menghormati antara masyarakat Islam dan bukan Islam tanpa mengira fahaman politik. Penyelesaian itu selari dengan ajaran Islam, bahkan memberi manfaat besar dan implikasi positif kepada masyarakat majmuk di Selangor," katanya.

DAP Selangor pula memuji usaha jujur dan berprinsip Mohamed Azmin yang menunaikan komitmennya mengembalikan kitab Bible yang dirampas, pada Januari 2014.

Pengerusinya, Tony Pua, berkata ia adalah petanda cerah kepada pentadbiran baru Selangor dalam membina kerajaan yang cekap dan telus.

"Keteguhannya menegakkan prinsip Pakatan Rakyat (Pakatan) dalam isu itu dan mempertahankan Perlembagaan berbaloi dengan pemulangan Bible. Apa yang gagal dilakukan pentadbiran lalu selama sembilan bulan berjaya dilakukan Mohamed Azmin kurang daripada 60 hari," katanya.

# *Tahniah*



Yang Amat Berhormat  
Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali  
Dato' Menteri Besar Selangor

Atas Ulangtahun Pertama  
pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan

daripada

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR



## Pencapaian Majlis Perbandaran Subang Jaya

Menerima Anugerah Green World Ambassador 2015 daripada The Green Organisation, United Kingdom, pada 29 Jun 2015.

PBT pertama mencapai taraf lima bintang dalam kedudukan sistem penilaian penarafan bintang dikelarkan Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Menjayakan pelan jangka panjang, MPSJ Green City 2030 yang akan menukar Subang Jaya menjadi bandar rendah karbon serta persekitaran hidup yang sihat.

Terpilih sebagai projek perintis 'Sustainable Living Stakeholder Engagement Teschnology Corporation' dan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Air (KeTTHA)

Memengangi tempat pertama dalam Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) dan menerima Anugerah Inovasi Menteri Besar Selangor (AIMBS)

## Pencapaian Majlis Bandaraya Shah Alam

Anugerah PBT Cemerlang dalam melaksanakan Program Bandar Selamat.

Berjaya memperolehi pentaulahan dan pensijilan "Malaysia Trustmark Sektor Awam" (MTSA) bagi pembayaran secara dalam talian menerusi portal MBSA

(Anugerah EMAS) Konvensyen Team Excellence (QE/5S) Peringkat Wilayah Tengah 2014

Tubuh pasukan 'Task Force' Perangi Wabak Denggi bagi menangani masalah pembiakan nyamus Aedes.

Bina kolam takungan RM350,00 atasi masalah banjir

## Pencapaian Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Jalin hubungan dengan delegasi dari Bandaraya Asan, Korea

Juarai Sukan Selangor (SUKSES) 2015 dengan menduduki senarai teratas pungutan pingat keseluruhan.

Perkhidmatan Bas Komuniti Percuma

PBT pertama di Malaysia menganjurkan sambutan Hari Haiwan Sedunia

145 kakitangan MBPJ terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

## Pencapaian Majlis Daerah Kuala Langat

Anugerah Sijil Audit Kewangan Bersih daripada Jabatan Audit Negara buat kali ketujuh berturut-turut

Menganjurkan Majlis Jugra International Paragliding Accuracy Championship (JIPGAC) 2015

Jalin kerjasama dengan pekilang banteras dengan

Pantai Batu Laut kekal lokasi kejohanan 'The KFC-MDKL-Selangor Open Regatta 2015'



# Aktif pantau masalah rakyat dan PBT

— AFEEQA AFEERA

**SIKAP** prihatin dan mesra rakyat yang ditonjolkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam pentadbirannya menjadikan beliau disenangi ramai.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata Mohamed Azmin begitu komited terhadap kerjanya dan bersikap terbuka dengan semua pihak.

Malah, katanya segala isu berbangkit di Pihak Berkuala Tempatan (PBT) mampu diselesaikan dengan baik dan cepat.

"Beliau akan cuba selesaikan masalah itu bersama Datuk Bandar jika ada perkara membutikkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Beliau juga prihatin terhadap masalah rakyat.

"Beliau sering mengambil bahagian untuk sebarang acara anjuran MBPJ, jadi wajarlah jika dikatakan prestasinya sebagai Dato' Menteri Besar dalam tempoh setahun sangat baik," katanya.

Pada masa sama, Azizi turut memuji kesungguhan Mohamed Azmin menyelesaikan isu rakyat seperti penstrukturran air yang sudah membawa hasil.

Selain itu, katanya program terjah yang dilakukan juga berkesan untuk menyelesaikan masalah sampah dan infrastruktur yang dihadapi rakyat.

"Mohamed Azmin juga mempunyai hubungan baik dengan pejawat awam di Selangor dan menjadi peng dorong kepada mereka untuk melakukan tugas dengan cemerlang," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata ekonomi dan taraf hidup rakyat kian meningkat di bawah pentadbiran Mohamed Azmin.

**Beliau sering mengambil bahagian untuk sebarang acara anjuran MBPJ, jadi wajarlah jika dikatakan prestasinya sebagai Dato' Menteri Besar dalam tempoh setahun sangat baik**

**MOHD AZIZI  
Datuk Bandar Petaling Jaya**

Katanya, inisiatif yang ditunjukkan pimpinan tertinggi negeri itu memberi impak besar terhadap kebijikan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

"Keprihatinan beliau yang sering turun padang juga harus dipuji kerana ia menjadi pendorong kepada semua PBT untuk memberi perkhidmatan cepak dan pantas kepada masyarakat," katanya.

# Muda dan dinamik Faham kehendak Adun

LIZAWATI MADFA

**DIKENALI** sebagai Dato' Menteri Besar yang selalu 'hands on', Mohamed Azmin Ali diakui terbawa-bawa karakter itu ke setiap persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS).

Speaker DNS, Hannah Yeoh berkata Adun Bukit Antarabangsa itu sentiasa meminta pihak berkenaan menyemak sama ada soalan dibangkitkan wakil rakyat sudah dijawab atau belum.

"Perkara ini sangat bagus kepada Adun kerana mereka boleh berinteraksi dan mendapat maklum balas secara terus dari Dato' Menteri Besar.

"Selain itu, beliau juga melihat sendiri jawapan yang sudah disediakan agensi. Saya nampak jawapan atas mejanya dan beliau akan mengkaji semua soalan sebelum bangun menjawab," katanya.

Hannah berkata, Mohamed Azmin juga bijak menggunakan pengalamanya sebagai wakil rakyat untuk lebih memahami

kehendak dan keperluan Adun lain.

"Saya rasa Setiausaha Politiknya turut memberi 'plus point' kepada kepada Dato' Menteri Besar yang memudahkannya lebih memahami masalah Adun.

"Beliau juga muda dan dinamik sesuai dengan imej negeri moden dan mempunyai golongan muda yang ramai," katanya.



## Utama kepentingan rakyat

**DATO'** Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dianggap berjaya meletakkan batu asas kukuh dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dalam setahun memegang jawatan utama Selangor.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata tindakan Mohamed Azmin yang cepat membuat keputusan amat dikagumi.

"Beliau selalu menerapkan ketelitian dan tolak ansur dalam pentadbirannya. Ia amat penting dalam kerja berpasukan.

"Ini adalah cara kerja yang baik dan mengikut garis panduan. Beliau juga bertindak secara profesional dan tepat dalam membuat keputusan," katanya.

Berkongsi pandangan sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata Mohamed Azmin juga fokus kepada isu yang dekat dengan rakyat.

"Beliau lebih fokus untuk menyelesaikan isu yang dihadapi akar umbi seperti masalah pembersihan awam, rumah mampu milik, isu penstrukturran air dan bas percuma.

"Dengan karakter yang selalu 'hands on', beliau menjadikan penjawat awam lebih selesa bekerja dengannya sebagai satu pasukan menjayakan agenda Kerajaan Negeri untuk rakyat," katanya.



### LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS) KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada perunding Bumiputra yang pengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

#### PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (IRBM) LEMBANGAN SUNGAI KLANG (2015 – 2020)

No. Tender	Kod Bidang	Tempoh Penjualan Tender	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
LUAS/T/01/2015	330101 (Kejuruteraan Awam) atau 330207 (Alam Sekitar)	22 September 2015 hingga 13 Oktober 2015 <b>ISNIN – KHAMIS</b> 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang <b>JUMAAT</b> 8.30 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 4.30 petang	RM50.00	13 Oktober 2015 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Perunding/Wakil Perunding hendaklah mengemukakan sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen. Salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan LUAS semasa membeli dokumen. LUAS berhak menolak permohonan yang pada tanggapan LUAS tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara Tunai / Bank Draft/Wang Pos atas nama Lembaga Urus Air Selangor. Satu (1) perunding hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender sahaja.

4. Dokumen tender boleh didapatkan pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Dokumen tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Dokumen tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di pejabat :

Pengarah  
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)  
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan  
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

6. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

### TAWARAN PENYEWAAN BANGUNAN PASAR MILIK MBSA DI SEKSYEN 28 SHAH ALAM



<b>Jenis harta</b>	: Pasar
<b>Alamat</b>	: Lot 21920, Jalan Melut 28/89, Seksyen 28 Shah Alam
<b>Keluasan Bangunan</b>	: 2605.05 Meter Persegi (28041.55 kaki persegi)
<b>Bilangan unit ruangan niaga</b>	: 36 Unit
<b>Dokumen Yang Perlu Disertakan</b>	: Profil Syarikat , Kadar sewa yang ditawarkan, penyata akaun tiga (3) bulan terkini dan konsep perniagaan yang dicadangkan

Pengusaha yang berminat dinasihatkan agar melihat sendiri premis tersebut. Segala kos pembaikan dan penyelenggaraan premis akan ditanggung oleh pengusaha. Majlis boleh mempertimbangkan cadangan ubahsuai ruangan untuk aktiviti komersial selain daripada kegunaan pasar.

Permohonan penyewaan yang lengkap disertakan dengan dokumen yang diperlukan hendaklah di hantar kepada alamat di bawah pada atau sebelum **10hb September 2015**.

**Pengarah**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**  
**Majlis Perbandaran Shah Alam**  
**Persiaran Perbandaran,**  
**40000 Shah Alam**  
**Selangor Darul Ehsan**

**SEBARANG PERTANYAAN**  
03-55105133 samb. 1407 - En. Roslan Musa  
03-55105133 samb. 1325 - Pn. Tengku Putrisha T.Putra  
03-55105133 samb. 1326 - Pn. Hasliza Abu Bakar



# ‘Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli’ bukan retorik

OLEH DR FAHMI NGAH

**S**udah setahun sejak Mohamed Azmin Ali mengambil alih pentadbiran Selangor. Pentadbiran yang bertemakan ‘Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli’ bukan lagi sekadar retorik. Selepas disingkap kembali, nyata beberapa usaha awal mula dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan rakyat melalui Agenda Makmur Selangor.

## Penekanan perbelanjaan pembangunan belanjawan negeri

Iltizam pentadbiran Dato’ Menteri Besar untuk memastikan Selangor terus dibangunkan tanpa menjejaskan kesejahteraan rakyat dapat dilihat melalui asas perangkaan belanjawan tahunan negeri.

Pertambahan rizab negeri kepada RM3.65 bilion pada akhir Jun lalu berbanding RM3.25 billion untuk tempoh sama tahun 2014 bukan sahaja ukuran kebolehan pentadbiran Dato’ Menteri Besar menguruskan kewangan negeri.

Yang lebih penting adalah kesediaan pentadbiran beliau untuk berbelanja dalam program pembangunan rakyat. Pentadbiran Dato’ Menteri Besar memperuntukkan 46.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan tahun ini untuk perbelanjaan pembangunan berbanding 33.8 peratus pada tahun 2014. Nisbah 46.8 peratus Selangor ternyata jauh lebih tinggi berbanding 20 peratus sahaja di peringkat Kerajaan Persekutuan. Peratusan perbelanjaan pembangunan ini juga bakal dinaikkan ke tahap lebih tinggi dalam belanjawan 2016 bagi menggalakkan pengembangan ekonomi domestik tatkala dunia sedang dilanda kemurungan ekonomi.



## Pengurusan asset harta tanah negeri

Pemusatan sebahagian besar pendapatan negeri kepada hasil tanah dan harta tanah tidak dapat menjamin kelestarian pendapatan negeri untuk jangka masa panjang. Jika tidak diurus dengan baik dan peluang pendapatan baru tidak diterokai, pentadbiran negeri akan menghadapi kesukaran memastikan kesi-

nambungan program pembangunan untuk rakyat pada masa hadapan.

Suatu daftar tanah negeri di bawah Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) diwujudkan awal tahun ini untuk mengumpulkan asset tanah MBI. Tindakan ini penting untuk mengemaskinikan status perundangan dan menganggarkan nilai asset tanah MBI yang sebenar. Lanjutan daripada itu, suatu proses Request for Information (RFI) turut dilaksanakan untuk memastikan

pemaju yang benar-benar layak dapat mengadakan usahasama pembangunan harta tanah bersama MBI bagi merealisasikan pulangan terbaik untuk negeri.

Galakan penggunaan teknologi maklumat melalui Sistem Pengurusan Hakmilik Strata Berkompputer (e-Strata) dan Secured Land Management System (SELAMAT) oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor adalah antara contoh teknologi yang diguna pakai untuk memastikan kutipan hasil tanah strata yang lebih efisien dan pengurusan proses pindah milik tanah yang lebih telus dan segera untuk rakyat.

Arah untuk merampas semula tanah negeri yang digunakan pihak tertentu untuk aktiviti pembuangan sampah haram (seperti di Kampung Sungai Pusu, Gombak) juga turut dikeluarkan selepas tempoh prosiding berakhir bagi memastikan penggunaan tanah negeri yang lebih optima.

Ketika program pembangunan harta tanah terus dilakukan, keperluan tanah rizab Melayu tidak dipinggirkan. Ketika beliau mula menjadi Dato’ Menteri Besar tahun lalu, 4,000 ekar tanah rizab Melayu di Selangor belum diganti. Sehingga September lalu sahaja, Kerajaan Negeri sudah mengganti semuanya termasuk tambahan 650 ekar bagi memastikan kepentingan tanah rizab Melayu terus terbela.



**Sehingga September lalu sahaja,  
Kerajaan Negeri sudah mengganti semuanya termasuk tambahan 650 ekar bagi memastikan kepentingan tanah rizab Melayu terus terbela**

## Penstruktur semula Industri Air Selangor

Proses penstruktur semula industri air Selangor yang tertangguh tahun lalu akibat perselisihan beberapa terma yang temaktub dalam perjanjian tambahan (Supplemental Agreement) juga berjaya diselesaikan melalui proses perundingan yang baik. Perjanjian tambahan ini dimuktamadkan pada 10 Julai lalu dengan persefahaman yang baik bersama pimpinan tertinggi Kerajaan Persekutuan. Lanjutan daripada itu, empat perjanjian lagi dimeterai pada 8 September lalu untuk melancarkan lagi proses penstruktur bagi memastikan pengurusan industri air yang lebih baik untuk rakyat.

Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji cara terbaik untuk menampung kos subsidi air percuma yang dianggarkan berjumlah RM165 juta untuk tahun 2016, di samping memastikan pengurangan tahap Non-Revenue Water (NRW) daripada 35 peratus kepada 25 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

## Pembinaan Rumah Selangorku untuk rakyat

Mengambil maklum keperluan rakyat untuk memiliki rumah di kawasan bandar, inisiatif membina Rumah Selangorku terus dipergiatkan. Beberapa langkah baru diperkenalkan termasuk pengurangan bayaran premium tanah pada kadar 10 peratus daripada 15 peratus, pengecualian caj pemajuhan, memberi pertimbangan untuk penambahan kepadatan sehingga 120 unit setiap ekar serta kelulusan segera bagi proses yang membabitkan agensi kerajaan.

Semua ini dilakukan tanpa sebarang kompromi pada aspek kualiti dan keselamatan walaupun dijual pada harga jauh lebih rendah



**Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji cara terbaik untuk menampung kos subsidi air percuma yang dianggarkan berjumlah RM165 juta untuk tahun 2016, di samping memastikan pengurangan tahap Non-Revenue Water (NRW) daripada 35 peratus kepada 25 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang**

berbanding harga pasaran. Sasaran 15,000 unit Rumah Selangorku untuk dibina dalam tempoh tiga tahun bakal dicapai kerana setakat ini sahaja kebenaran merancang diberikan kepada lebih 18,732 unit.

## Pengurusan sisa pepejal

Menyedari bahawa kebersihan persekitaran adalah antara permasalahan teratas rakyat Selangor tanpa mengira kaum dan agama, Dato' Menteri Besar juga mengarahkan MBI untuk mengkaji dan merangka suatu penyelesaian lebih baik untuk pengurusan operasi kutipan sampah, pembersihan awam dan teknologi pelupusan yang lebih lestari untuk Selangor. Tidak cukup dengan itu sahaja, beliau sendiri melakukan dua siri terjahan ke kawasan kekal bermasalah tahun ini.

Beberapa cadangan penyelesaian oleh MBI sedang dibincangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk memastikan mutu perkhidmatan kutipan dan pembersihan

awam yang lebih baik bukan sahaja di kawasan perumahan dan industri tetapi juga di sungai. Ini bakal dilakukan dengan pengekalan kontraktor sedia ada yang berprestasi baik tanpa dimonopoli pihak swasta atau Pihak Berkuasa Tempatan.

Beberapa inisiatif termasuk pemberian tong sampah percuma dan tumpuan kepada mewujudkan lebih banyak taman awam (green lungs) oleh pihak pentadbiran akan dilaksanakan melalui Belanjawan 2016 nanti. Ini penting bagi memupuk semangat cintakan alam sekitar di dalam jiwa setiap rakyat. Persekutaran yang bersih bukan sahaja dapat menjamin kesihatan rakyat tetapi dapat juga menarik minat pelabur luar untuk bertapak di Selangor.

## Pelaksanaan inisiatif mengupayakan rakyat

Ekonomi domestik terus dirancakkan dengan memastikan penyertaan lebih ramai rakyat ke dalam sektor ekonomi melalui pemberian wi-fi percuma berkelajuan tinggi yang lebih meluas dan juga bantuan mikrokredit tanpa faedah melalui dana Hijrah.

Jelas, semua inisiatif ini dilakukan dengan tujuan memastikan Kerajaan Negeri dapat terus memberikan penyampaian yang terbaik untuk rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik.

Keperluan asas rakyat seperti air terawat, perumahan, kebersihan persekitaran dan ekosistem ekonomi yang lebih baik perlu terus dijaga dan ditambah baik. Ini akan menyiapkan Selangor untuk menangani kesan akibat pertambahan penduduk terutama sekali apabila Agenda Makmur Selangor dicapai dalam tempoh terdekat ini.

*Dr Fahmi Ngah adalah Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor*

**TAHNIAH**  
Yang Amat Berhormat  
Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali  
Dato' Menteri Besar Selangor

Atas Ulangtahun Pertama  
pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan

dari



COMMUNICATION CORPORATION SDN. BHD.



# Bantu rakyat jadi aktiviti utama



SYASYA SUFIAN

**T**ERJAH menjadi salah satu aktiviti utama Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sebagai pemimpin yang peduli rakyat dan sanggup merasai kesusaahan masyarakat apabila turun padang membuat terjahan ke beberapa buah negeri yang mengalami bencana alam.

Tidak hanya memberi arahan daripada atas, sebaliknya Mohamed Azmin turut sama di saat susah dan senang rakyat tidak terhad di Selangor.

Ia memberi kesan yang mendalam kepada rakyat apabila Mohamed Azmin sanggup menaiki lori Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) bertujuan meninjau penempatan mangsa banjir di Kuala Krai selian menyerahkan sumbangan RM1 juta, pada Disember lalu.

Kedatangan dan bantuan beliau kepada negeri itu disambut baik oleh rakyat dan Kerajaan Kelantan dengan hati terbuka ekoran keprihatinan terhadap kesusaahan yang dihadapi walaupun mereka bukan penduduk Selangor.

Atas usaha beliau, Selangor

menubuhkan dana khas bertujuan membantu mangsa banjir di Kelantan untuk membaiki kerosakan rumah masing-masing akibat bencana itu, bahkan Kerajaan Negeri turut menghulurkan bantuan kepada Pahang, Perak, Terengganu dan Johor yang turut mengalami banjir teruk.

"Dengan penuh keinsafan, saya dan delegasi Kerajaan Selangor menyediakan bantuan yang disampaikan kurang daripada mencukupi memandangkan jumlah rakyat yang menjadi mangsa serta tahap kerosakan amat parah," katanya.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri turut membina 60 unit Rumah Darul Ehsan dengan kos hampir RM6 juta itu atas rasa tanggungjawab membantu rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan selepas kehilangan tempat berteduh.

Mohamed Azmin juga menyeru rakyat Malaysia tanpa mengira faham politik, organisasi serta setiap individu supaya meningkatkan bantuan kepada mangsa bencana alam.

"Dalam situasi yang getir, kita pastinya memerlukan solidariti ke manusia dari seluruh rakyat Malaysia," katanya.

**WAKTU SOLAT SELANGOR**  
25 SEPT - 2 OKT 2015  
11 - 18 ZULHIJjah 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:37	5:47	7:03	1:08	4:15	7:10	8:19
26 Sabtu	5:37	5:47	7:02	1:08	4:15	7:10	8:18
27 Ahad	5:36	5:46	7:02	1:07	4:15	7:09	8:18
28 Isnin	5:36	5:46	7:02	1:07	4:15	7:09	8:17
29 Selasa	5:36	5:46	7:02	1:07	4:16	7:08	8:17
30 Rabu	5:36	5:46	7:01	1:06	4:16	7:08	8:17
01 Khamis	5:35	5:45	7:01	1:06	4:16	7:07	8:16
02 Jumaat	5:35	5:45	7:01	1:06	4:16	7:07	8:16
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
25 Jumaat	5:39	5:49	7:05	1:10	4:17	7:12	8:21
26 Sabtu	5:39	5:49	7:04	1:10	4:17	7:12	8:20
27 Ahad	5:38	5:48	7:04	1:09	4:17	7:11	8:20
28 Isnin	5:38	5:48	7:04	1:09	4:17	7:11	8:19
29 Selasa	5:38	5:48	7:04	1:09	4:18	7:10	8:19
30 Rabu	5:38	5:48	7:03	1:08	4:18	7:10	8:19
01 Khamis	5:37	5:47	7:03	1:08	4:18	7:09	8:18
02 Jumaat	5:37	5:47	7:03	1:08	4:18	7:09	8:18

## Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat beri impak besar

DALAM keadaan ekonomi hari ini yang merudum, Program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar bertandang ke seluruh Semenanjung Malaysia memberi bantuan, sekali gus memperlihatkan impak besar kepada kebanyakan rakyat.

Ia adalah salah satu inisiatif yang dilakukan Kerajaan Negeri bagi membantu mereka yang memerlukan untuk menyambut bulan Ramadan dan Aidilfitri.

**JAWATAN KOSONG**  
**SELANGOR**

1. Ketua Pengarang
2. Pengarang Media Cetak/Portal
3. Ketua Operasi TV
4. Penyunting TV
5. Eksekutif Pemasaran

Calon-calon yang berminat boleh menghantar resume terperinci serta gambar terbaru berukuran pasport sebelum **1 OKTOBER 2015** ke e-mel berikut:  
**adzharhaludin@ccsb.selangorku.com**

Jelajah bermula dari Shah Alam, pada 2 Julai lalu bersama 12 sukarelawan, satu kontena, dua lori dan tujuh kenderaan biasa bergerak ke Pasir Salak sebelum ke Ipoh, dan Bukit Gantang, Perak.

Mereka kemudian akan bergerak Seberang Jaya, Pulau Pinang sebelum ke Kedah membabitkan dua lokasi iaitu Kulim dan Alor Star yang bakal berakhir di Kangar, Perlis bagi wilayah utara.

Penjelajahan kemudian bergerak ke Selatan membabitkan Seremban dan Tampin di Negeri Sembilan, Bukit Katil dan Ledang (Melaka) serta Simpang Renggam, Batu Pahat dan Kulai (Johor).

Sukarelawan meneruskan tugas ke wilayah timur pada 7 Julai lalu bermula Temerloh dan kemudian Kuantan, Pahang, sebelum menerjah ke Kuala Terengganu, Terengganu dan Machang, Kelantan.

Gua Musang menjadi lokasi terakhir program pada 8 Julai lalu, sekali gus melengkapkan sumbangan 5,000 pek bantuan Ramadan dan Aidilfitri di 31 lokasi sepanjang seminggu dilaksanakan.

Sebelum itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan lebih RM597,000 untuk pelaksanaan Program Semarak Ramadan peringkat negeri tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi menyokong usaha dakwah di peringkat negeri selain menyantuni golongan belia melalui pelbagai pengajuran program.

"Usaha ini dibuat untuk memastikan Selangor bukan sahaja maju dalam ekonomi, bahkan turut menegaskan prinsip pembangunan akhlak dan sahsiah," katanya.

# UNISEL semakin rancak di bawah MB

AFEEQA AFEERA

**P**ENDIDIKAN berkualiti menjadi teras utama dalam menjamin kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamik di Selangor.

Atas dasar itu, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berusaha memastikan tidak berlaku keciciran dalam kanganan pelajar untuk melanjutkan pelajaran.

Menyedari kos hidup yang semakin meningkat, beliau tidak lokek membelanjakan RM22 juta bagi tujuan biasiswa dan pinjaman pendidikan.

Daripada jumlah itu, RM10 juta adalah biasiswa penuh bagi mereka yang mendapat tempat ke Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Manakala, RM12 juta untuk pembayaan awal bagi mereka yang mendapat

pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Ia adalah pelaburan jangka panjang bagi memastikan anak kita mendapat ilmu pengetahuan yang baik dan menjadi tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan berkualiti. Ia harus bermula di peringkat pra sekolah, sekolah rendah serta menengah dan kita akan berikhlas membantu anak di Selangor menggilap potensi mereka," katanya.

Pada masa sama, katanya Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan untuk menambah peruntukan biasiswa pelajar UNISEL dalam Belanjawan 2016.

Mohamed Azmin berkata, peruntukan itu masih di peringkat kajian dan bergantung kepada permintaan serta keperluan semasa.

"Kalau ada keperluan dan permintaan untuk menambah, kita sedia menyiapkan peruntukan bagi maksud itu," katanya.

## APA KATA MEREKA



Tidak dinafikan sektor pendidikan di bawah pentadbiran Mohamed Azmin Ali banyak penambahbaikan bermula daripada peringkat sekolah hingga ke universiti.

Mohammad Hibatullah,  
30, kakitangan swasta



Terima kasih kepada Kerajaan Selangor yang sangat prihatin terhadap aspek pendidikan kerana ia adalah tunjang penting dalam memastikan kejayaan sesebuah negeri.

Norashila Ali, 26,  
kakitangan swasta



Penambahbaikan seperti biasiswa dan wang sara diri untuk pelajar di UNISEL dan KUIS memang berjaya meringankan beban keluarga berpendapatan rendah.

Muhammad Amir Amin,  
22, pelajar



Ia adalah pelaburan jangka panjang bagi memastikan anak kita mendapat ilmu pengetahuan yang baik dan menjadi tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan berkualiti

**MOHAMED AZMIN  
Dato' Menteri Besar**

## Pendidikan Islam jadi keutamaan

**KERAJAAN** Negeri mengambil berat sektor pendidikan tinggi agama tanpa terlepas pandang pembangunan rohani untuk mengimbangi pembangunan material.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin membelanjakan RM5 juta untuk tujuan biasiswa ekoran menyedari pendidikan berteras Islam dan al-Quran kian mendapat tempat di hati rakyat.

Biasiswa itu membolehkan lebih 200 mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mendapat manfaat di sebalik kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Lebih 400 anak Selangor tidak mendapat biasiswa dan susah meneruskan pengajian ditambah keadaan ekonomi tidak stabil hingga menyukarkan keluarga membaiayai pendidikan mereka.

"Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan RM5 juta sebagai biasiswa pelajar KUIS dengan harapan pembangunan pendidikan al-Quran terus dimartabatkan dan melahirkan masyarakat bermaruah serta berpegang pada tuntutan agama," katanya.

Tabung biasiswa itu meliputi yuran pengajian, kos penginapan dan wang sara diri untuk pelajar yang layak, sementara RM12 juta lagi diperuntukkan untuk pembayaan awal bagi pelajar KUIS yang mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Kita lihat ramai golongan muda khususnya di luar bandar dan desa mempunyai potensi cukup baik untuk meneruskan pengajian mereka, namun berhadapan kekangan wang," katanya.

# Gigih perangi wabak denggi

SYASYA SUFIAN

**S**emangat dan kegigihan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali untuk turut serta turun padang dan melakukan terjahan dalam usaha membanteras pembiakan nyamuk Aedes daripada terus berleluasa demi keselamatan rakyat.

Sepanjang setahun di bawah pentadbiran beliau pelbagai inisiatif yang dilakukan dan sehingga hari ini usaha itu tetap diteruskan dengan kerjasama dari Exco, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan.

Mohammad Azmin berkata, Kerajaan Negeri sememangnya mahu permasalahan sampah, demam denggi, keselamatan awam dan penyelenggaraan jalan menjadi fokus utama selepas dilantik menjadi Dato' Menteri Besar.

Tindakan tegas diambil kepada pihak

yang didapati menjadi punca pembiakan Aedes seperti notis pemberhentian kerja, kompaun atau rampasan lesen ke atas pemaju jika masalah sama masih berulang.

Saya sendiri menyambut kedatangan Menteri Kesihatan ke Selangor supaya setiap keputusan dibuat perlu kolektif antara pusat dan negeri," katanya.

Sebelum ini, Mohamed Azmin sudah menerjah ke beberapa lokasi bagi Program Terjah dan Musnah Aedes antaranya di daerah Petaling.

Kita mengambil tindakan proaktif melancarkan kempen terjah dan musnah aedes dengan saya sendiri terbabit secara langsung dengan semua Adun melancarkan program di setiap daerah dan lokaliti mencatatkan kes tinggi.

"Kerja pembersihan itu dilakukan di



## Turun sendiri terjah sampah haram

**ISU PEMBUANGAN sampah dan penempatan haram** yang berlarutan sejak sekian lama di Selangor menjadi antara fokus utama Mohamed Azmin Ali sebaik sahaja dilantik sebagai Dato' Menteri Besar.

Lari daripada kebiasaan, Mohamed Azmin tampil dengan konsep terjah untuk melihat sendiri kawasan yang bermasalah dan keadaan pengurusan sampah di negeri itu.

Beberapa bulan menggalas tugas, pemimpin tertinggi negeri itu memilih program turun padangnya di Selayang sebagai 'lokasi lawatan' pertama yang dipenuhi sampah sarap hingga sering mengakibatkan banjir kilat.

Beliau yang berbaju kemeja putih kemas tidak kekok berjalan di atas lambakan sisa sampah, bahkan Mohamed Azmin juga sempat turun ke perut Sungai Udang berhampiran Kampung Nakhoda dan beberapa kawasan lain.

"Ini amanah diberikan dan saya gembira melihat barisan Exco juga bersemangat bekerja keras demi menjaga amanah untuk kepentingan rakyat," katanya.

Mohamed Azmin juga pernah menegaskan Kerajaan Negeri tidak berkompromi dengan pihak yang gagal menggalas tanggungjawab bakal berdepan tindakan tegas.

"Kita membelanjakan sejumlah RM32 juta dalam tiga bulan pertama untuk disalurkan kepada PBT bagi mengatasi masalah sampah," katanya ketika di Dewan Negeri Selangor (DNS), Ogos lalu.

Kurang seminggu selepas Mohamed Azmin menyiar kan nombor telefon kepada orang awam untuk menghubungi beliau jika terdapat isu sampah, lebih 1,000 khidmat pesanan ringkas (SMS) diterima untuk maklumkan isu itu.

Tindakan pantas diambil berkenaan segala aduan terus dipanjangkan kepada pihak berkusa tempatan (PBT) bagi memastikan tindakan segera diambil.

Susulan daripada segala usaha beliau, beberapa tindakan diambil ke atas aktiviti pembuangan sampah haram dan pemilik tanah yang didapati bersubahat juga diambil tindakan tegas.

## APA KATA MEREKA



Kami sebagai rakyat Selangor amat berbangga dengan kegigihan Dato' Menteri Besar yang sanggup turun padang membuat terjahan ke merata tempat demi menyelesaikan permasalahan rakyat.

Siti Linda Roslina,  
30, Eksekutif



Tak ramai pemimpin zaman sekarang yang sanggup membuat terjahan di tempat kotor kerana kebanyakannya hanya datang merasmikan majlis yang utama sahaja.

Mohd Nizam Ismail  
38, Pembantu Operasi



Jika beliau teruskan sikap kepimpinan yang berjiwa rakyat. Insya Allah, rakyat akan terus menyokong beliau dan Selangor terus kekal di bawah pemerintahan kerajaan pakatan

Wan Raffidah  
Wan Yusoff,  
37, Kakitangan Awam

# Tahniah



Yang Amat Berhormat  
**TUAN MOHAMED AZMIN BIN HAJI ALI**  
Dato' Menteri Besar Selangor

Atas Ulangtahun Pertama  
Pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan

*Dengan Tugatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada:*



YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

# Penyokong tak dipinggir, CCTV jadi mata tambahan

AFIX REDZUAN

**B**ola sepak adalah jantung aktiviti sukan di Selangor terutama buat penyokong 'The Red Giants' kerana pasukan itu berjaya menempa sejarah merangkul 32 kali kejuaraan Piala Malaysia.

Turut diberi beberapa pemain yang menyarung jersi skuad Harimau Malaya, skuad bimbang Mehmet Durakovic meneruskan aksi cemerlang dalam saingan Liga Super 2015 apabila menduduki tangga ketiga dibelakang Johor Darul Takzim (JDT) selaku juara dan Pahang.

Pencapaian cemerlang turut ditampilkan skuad bawah 19 tahun apabila berjaya menjulang Piala Belia 2015, dan ia adalah kejayaan itu kelima buat pasukan Selangor, sejak tahun 2000.

Lebih membanggakan, 37 pemain liga belia ditawarkan kontrak jangka panjang untuk tempoh lima tahun selepas beraksi penuh konsisten apabila menang 11 perlawanan, kalah dan seri sekali sepanjang kejohanan.

Di samping pencapaian cemerlang dalam



pertandingan, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) tidak ketinggalan memberi taklimat kepada pemain supaya tidak terjebak dengan gejala rasuah dan mengatur perlawanan (bookie).

Kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu adalah langkah positif memupuk budaya permainan sihat dan meningkatkan inte-

giriti dalam kalangan pemain.

Perkembangan sukan bola sepak Selangor juga tidak meminggirkan suara penyokong dan peminat apabila buat julung kalinya FAS menganjurkan solat terawih di surau Stadium Shah Alam pada perlawanan yang berlangsung sepanjang Ramadan.

Penganjuran itu dibuat meman-

dangkan The Red Giants beraksi pada jam 10 malam mengikut jadual kempen Liga Super 2015.

Selain itu, sebagai langkah kawalan di Stadium Shah Alam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) selaku badan induk bertanggungjawab mengambil langkah proaktif dengan memasang kira-kira 80 unit kamera litar tertutup (CCTV).

Ia bertindak selaku 'mata tambahan' yang membantu pihak berkuasa mengawasi salah laku penonton kerana Stadium Shah Alam juga menjadi lokasi kepada skuad kebangsaan beraksi di peringkat antarabangsa.

Peruntukan RM2.5 juta seperti yang diumumkan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad membuktikan MBSA serius untuk bersama menjaga nama baik Selangor selaku lokasi sukan daripada gejala samseng dan vandalisme.

CCTV itu mampu memancarkan terus identiti mereka yang melakukan kesalahan di papan mata untuk memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan.

## Atlet Selangor cemerlang dalam dan luar negara

**BARISAN** atlet cemerlang dalam pelbagai kelas sukan berjaya dilahirkan Selangor hingga mencapai kejayaan hebat sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

Tahun 2015 menyaksikan atlet Selangor menjadi penyumbang hampir 60 pingat keseluruhan buat kontinjen Malaysia dalam Sukan Sea yang berlangsung di Singapura.

Sumbangan pingat yang dilakukan atlet dari Selangor termasuk melalui acara sukan layar dengan tiga emas melalui Muhamad Dhiuddin Rozaini, Muhammad Farhan Hamid dan Norashikin Mohd Sayed.

Atlet gimnastik Selangor, Farah Ann Abdul Hadi pula menyumbang dua emas, satu perak dan tiga gangsa dalam pelbagai disiplin yang menyaksikan Malaysia meraih 186 pingat keseluruhan dengan 62 emas, 58 perak dan 66 gangsa.

Karakter sebagai juara juga ditunjukkan anak Orang Asal Selangor, Azrul Affendi Hadi.

Beraksi dalam Petronas AAM Cup Prix 2015, pelumba yang menunggang jentera bernombor 19 dari pasukan OA Racing Team itu berjaya memberikan

saingan sengit kepada pasukan lain hingga berjaya meletakkan Azrul bersanding merebut kejuaraan musim ini.

Berpangkalan di Kampung Bukit Tadom, Banting, pasukan ini sebenarnya berhadapan masalah penajaan walau-

pun berpotensi besar bersaing dengan pasukan lain yang lebih bernasib baik mendapat penajaan.

Sejak 2013, pasukan ini sudah 12 kali menaiki podium dengan enam kali dinobatkan sebagai juara.



# Tahniah



YANG AMAT BERHORMAT  
**MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

ATAS ULANGTAHUN PERTAMA  
PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

DARIPADA



Menteri Besar Selangor Incorporated

# Tahniah

Yang Amat Berhormat  
Tuan Mohamed Azmin bin Ali  
Dato' Menteri Besar Selangor

Merangkap Pengurus PKNS

Atas ulang tahun pertama  
meneraju Selangor ke arah  
pembangunan berkualiti  
rakyat dipeduli.

Daripada



dan Kumpulan Anak Syarikat



PKNS ENGINEERING &  
CONSTRUCTION BHD



SELANGOR INDUSTRIAL  
CORPORATION



Selaman



PKNS INFRA  
BERHAD



DE PALMA HOTEL



WORLDWIDE  
HOLDINGS



SACC



AKADEMI  
PKNS



SELGATE  
Corporation



DATUNCORP  
INTERNATIONAL



PKNS  
REAL ESTATE